



Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB



Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia merasmikan Seminar TOT pada 17 Jun 2009 di Ibu Pejabat MPOB. Turut hadir Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Dato' Sabri Ahmad, Pengerusi MPOB dan Datuk Dr. Mohd Basri Wahid, Ketua Pengarah MPOB dan En. M. Nagarajan, Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Minyak Sayuran Lelembak dan Sagu.

KANDUNGAN

- Seminar Pemindahan Teknologi (TOT) MPOB 1
- Dari Meja Ketua Penyunting 2
- Sudut Teknologi - Formulasi Metarhizium dan Penggunaannya 6
- Kenalilah... Kumbang Badak 8
- Kuiz Sawit 10
- Sudut Kreatif Sawit 11
- Sembang Sawit 11
- Sedutan Akhbar 12
- Tahukah Anda? 14
- Diari & Peristiwa 15
- Berita Bergambar 16
- Profil Komoditi 19
- Peladang Jaya 20
- Direktori MPOB 22
- Senarai Tapak Semaian yang Mendapat Sijil Kewibawaan Pengurusan Tapak Semaian (OPNCC) 25



Seminar Pemindahan Teknologi MPOB atau lebih dikenali dengan nama MPOB Transfer of Technology (TOT) Seminar adalah acara tahunan yang bermula pada 1995. Ia merupakan satu cara MPOB memperkenalkan dan memindahkan hasil penyelidikan para penyelidik MPOB kepada masyarakat umum yang terlibat dengan industri sawit. Dalam seminar tersebut, aktiviti seperti pembentangan kertas kerja, pameran teknologi terkini dan perbincangan tentang hasil penyelidikan dengan peserta yang hadir telah diadakan. Sejak daripada tahun 1986 sehingga kini, MPOB telah berjaya menghasilkan sebanyak 441 teknologi dan 72 perkhidmatan yang berkaitan dengan industri sawit untuk dimajukan, diterimapakai dan/atau dikomersialkan oleh pihak industri. Pengenalan ringkas tentang semua teknologi dan perkhidmatan semasa seminar dibuat melalui pembentangan kertas kerja. Teknologi dan perkhidmatan yang diperkenalkan merangkumi pelbagai bidang dan cabang industri sawit. Antaranya ialah bidang oleokimia, integrasi tanaman dan ternakan, kejuruteraan dan pemprosesan, makanan, jentera pertanian, biologi, agronomi dan sebagainya.

Objektif utama Seminar Pemindahan Teknologi ini diadakan ialah untuk memperkenalkan penemuan baru

Bersambung ke muka surat 2



Sidang Pengarang

PENASIHAT
Datuk Dr. Mohd Basri bin Wahid

PENGERUSI
Dr. Salmiah bt Ahmad

TIMBALAN PENERUSI
Hj. Idris bin Omar

KETUA PENYUNTING
Hj. Wahid bin Omar

PENYUNTING
Dr. Norman bin Hj. Kamarudin
Hj. Hamdan bin Abu Bakar
Hj. Ahmad Tarmizi bin Mohammed
Dr. Ahmad Tarmizi bin Hashim
Ab Aziz bin Md Yusof
Che Johari bin Mamat
Hj. Mohd Azmi bin K Ismail
Mazlan bin Mustaffa
Noor Asmawati bt Abd Samad

SETIAUSAHA
Nur Hanani bt Mansor

Sambungan dari muka surat 1

hasil kajian di MPOB kepada orang ramai khususnya mereka yang terlibat dengan industri hulu dan hiliran sawit. Produk kajian dan teknologi baru yang dihasilkan oleh MPOB ini boleh diguna pakai terus oleh pengusaha sawit atau dikomersialkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, Seminar Pemindahan Teknologi ini juga dapat menggalakkan perkongsian pengalaman berkaitan dengan kaedah dan strategi yang cekap dan berkesan tentang penyelidikan sawit yang terkini antara peserta seminar dan para penyelidik MPOB. Sesungguhnya MPOB sentiasa membuka peluang kepada pihak yang berminat untuk berbincang tentang teknologi atau produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh MPOB.

Di samping itu juga, kehadiran peserta seminar yang datang daripada pelbagai cabang industri telah mewujudkan dan memantapkan kerjasama penyelidikan antara penyelidik dan pihak yang berminat dalam industri sawit tempatan dan antarabangsa. Kerjasama penyelidikan ini membolehkan

Bersambung ke muka surat 3



DARI MEJA

KETUA PENYUNTING

Setiap tahun Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengadakan Seminar Pemindahan Teknologi. Pada tahun ini Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2009 diadakan di Ibu Pejabat MPOB, Bangi pada 18 Jun 2009. Seminar ini telah dirasmikan oleh Tan Sri Bernard G. Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia. Seminar ini diadakan untuk memperkenalkan dan mengkomersialkan perkhidmatan dan teknologi terkini yang dihasilkan oleh para penyelidik MPOB. Perkhidmatan dan teknologi tersebut berkaitan dengan pengurusan tanaman sawit, pemprosesan minyak sawit dan pembuatan produk-produk daripada bahan sawit. Seminar ini juga memberi peluang kepada penyelidik, pengusaha tanaman sawit dan usahawan bertukar pendapat untuk memajukan lagi bidang penyelidikan sawit dan seterusnya industri sawit negara.

Sejak seminar ini bermula pada tahun 1986, sehingga kini, sebanyak 72 jenis perkhidmatan dan 441 jenis teknologi telah diperkenalkan. Daripada jumlah teknologi tersebut sebanyak 84 telah dikomersialkan dan 48 telah diguna pakai oleh industri berkaitan dengan perusahaan sawit. MPOB menyediakan pakar perunding, kemudahan kilang percubaan dan perkhidmatan untuk meningkatkan pengkomersialan teknologi yang ditawarkan.

Seminar Pemindahan Teknologi melibatkan pembentangan kertas kerja, pameran dan sesi menandatangani memorandum persefahaman di antara MPOB dengan syarikat swasta dalam usaha kerjasama penyelidikan atau pengkomersialan teknologi baru. Pembentangan kertas kerja dan pameran teknologi baru yang ditawarkan dapat memberi peluang kepada peserta seminar meneliti dengan lebih terperinci perkhidmatan dan teknologi yang ditawarkan.

Peserta seminar terdiri daripada pelbagai golongan iaitu penyelidik, pengurus ladang, pengilang, penjual, pengguna minyak sawit dan lain-lain lagi. Pada tahun 2009, seramai 98 orang pekebun kecil dari Klang, Banting, Labu dan Seremban telah dijemput menghadiri seminar ini. Penyertaan pekebun kecil dapat menambahkan pengalaman di samping meningkatkan pengetahuan mereka berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan di MPOB. Di samping itu, pekebun kecil juga akan dapat mengetahui teknologi terkini berkaitan dengan perusahaan sawit. Dengan pengalaman dan pengetahuan baru ini diharapkan ianya dapat membantu meningkatkan semangat pekebun kecil sawit untuk terus maju dalam usaha mereka.

Peranan MPOB berterusan mencipta perkhidmatan dan teknologi baru penting bagi menentukan industri sawit negara terus berkembang maju mengikut peredaran masa. Bersesuaian dengan peranan dan usahanya menjana perubahan industri sawit negara, MPOB akan terus menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan mencipta

Bersambung ke muka surat 3

Sambungan dari muka surat 2

teknologi baru yang boleh diguna pakai untuk meningkatkan pengeluaran hasil sawit dan seterusnya menghasilkan produk berasaskan bahan sawit yang bernilai tinggi.

Wahid bin Omar (wahid@mpob.gov.my)

Sambungan dari muka surat 2

MPOB dan pihak yang berminat menambah baik teknologi yang berada di pasaran ke tahap yang lebih baik dan sejajar dengan kehendak pasaran negara dan antarabangsa. MPOB sentiasa menggalakkan pihak industri amnya dan institusi penyelidikan lain menjalankan jaringan kerjasama.

Pada tahun ini, beberapa teknologi baru yang sesuai untuk pekebun kecil telah diperkenalkan. Antaranya ialah i) *Teknik Inovatif Tanam Semula Sawit* yang dapat menjimatkan penggunaan baja, ii) *Teknik Penanaman Sawit Condong Sehala di Tanah Gambut* yang dapat mengatasi masalah pokok condong, tumbang dan meningkatkan kecekapan operasi ladang di tanah jenis gambut, iii) *Sistem Tanaman Dua Baris untuk Integrasi Tanaman dengan Sawit* yang dapat memaksimumkan penggunaan tanah, iv) *Integrasi Tongkat Ali dengan Sawit* yang memberi idea untuk pekebun kecil menambah pendapatan, v) *Kawalan Perosak Ulat Bungkus*

Menggunakan *Bafog-1(S)*, iaitu sejenis bakteria baik *Bacillus thuringiensis* dalam formulasi asap yang lebih berkesan dan mesra alam dan vi) *Roller Picker* iaitu alat mengutip buah relai yang dapat memudahkan kerja memungut buah relai dan mengatasi masalah sakit belakang ketika mengutip buah relai.

“MPOB sentiasa menggalakkan pihak industri amnya dan institusi penyelidikan lain menjalankan jaringan kerjasama.”

MPOB sentiasa menggalakkan para peserta seminar untuk mengambil dan mengkomersialkan teknologi MPOB. MPOB juga membantu mereka dalam memulakan perniagaan dan menyediakan jaringan perniagaan dalam bidang sawit. Seminar ini sekaligus meningkatkan penglibatan pengusaha kecil dan sederhana dalam meluaskan perniagaan mereka dan menarik penglibatan usahawan baru yang berminat menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Dengan usaha ini akan mengembangkan lagi skop industri sawit negara.



Pengunjung pameran TOT mengambil peluang mencuba air tongkat ali yang direbus dalam periuk tanah di tapak pameran 'Teknologi Integrasi Tongkat Ali dengan Sawit'.

Bersambung ke muka surat 4

Sumbangan dari muka surat 3

Seminar ini juga mendatangkan banyak manfaat kepada pekebun kecil sawit. MPOB telah memperkasakan usaha dengan memperkenalkan pelbagai teknologi baru melalui kemudahan perkhidmatan yang diberikan kepada pekebun kecil. Antaranya ialah kemudahan khidmat nasihat oleh Pegawai TUNAS kepada pekebun kecil. Mereka diberi taklimat dan nasihat tentang amalan pertanian baik yang lebih berkesan dan produktif. MPOB sentiasa berusaha dalam mencipta teknologi dan menyediakan kemudahan yang membolehkan pekebun kecil meningkatkan ekonomi mereka. Seajar dengan matlamat itu, MPOB memperkenalkan tanaman integrasi sawit dan ternakan yang dilihat mampu meningkatkan ekonomi dan pendapatan pekebun kecil.

“MPOB juga sentiasa berusaha memadamkan teknologi yang sedia ada dengan keperluan pekebun kecil.”

Cetusan idea oleh para pegawai penyelidik MPOB dengan peserta seminar yang lain membolehkan pekebun kecil menerokai bidang baru seperti bidang perniagaan. Mereka didedahkan dengan pelbagai idea yang membolehkan mereka membuka minda untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan sebagainya. MPOB sentiasa menyediakan peluang kepada sesiapa sahaja dalam mengkomersialkan teknologi MPOB. Di samping itu juga, dengan adanya seminar ini

“Pekebun kecil dapat memperoleh banyak manfaat dan maklumat yang terkini dengan menghadirkan diri ke Seminar Pemindahan Teknologi MPOB.”

pekebun kecil dapat memperoleh dan memperbaharui ilmu mereka tentang teknologi yang terkini yang diperkenalkan oleh MPOB. MPOB juga sentiasa berusaha memadamkan teknologi yang sedia ada dengan keperluan pekebun kecil. Pekebun kecil dapat memperoleh banyak manfaat dan maklumat yang terkini dengan menghadirkan diri ke Seminar Pemindahan Teknologi MPOB.

Dalam seminar ini juga, pameran turut diadakan bagi mempamerkan teknologi, produk dan perkhidmatan yang ingin dipindahkan kepada orang ramai khususnya kepada mereka yang terlibat dengan industri sawit. Pameran peralatan, jentera pertanian dan produk terkini dapat memberi pengalaman dan pengetahuan baru kepada pekebun kecil tentang teknologi sawit terkini yang diperkenalkan oleh MPOB.

MPOB sentiasa membantu peladang dan pekebun kecil sawit dalam meningkatkan penglibatan mereka dalam cabang ekonomi yang lebih menguntungkan dan menggalakkan mereka mengaplikasikan teknologi terkini yang diperkenalkan oleh MPOB dalam mengurus tanaman sawit mereka.



Sumbangan: Suraya Mohamad, Jalaludin Omar dan Sakinah Che Embi

KURSUS OPERATOR MEKANISASI LADANG

1 Mac – 30 Ogos 2010

OBJEKTIF KURSUS

Memberi pendedahan secara teori dan praktikal tentang mekanisasi di ladang sawit yang menjurus ke arah melahirkan warga kerja tempatan yang cekap.

PROGRAM

Terdapat dua pilihan program yang ditawarkan:

- (i) **Program Jangka Panjang**
Program ini dijalankan selama lima bulan di mana pelatih perlu menjalani latihan industri di ladang-ladang terpilih selama sebulan. Pelatih perlu mengikuti keseluruhan program untuk mendapatkan penganugerahan sijil MPOB dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).
- (ii) **Program Jangka Pendek**
Program khas mengikut topik pilihan pelatih dan akan diberi sijil penyertaan.

Kursus adalah berbentuk kuliah, tugas, latihan amali dan peperiksaan. Kursus dikendalikan oleh tenaga pengajar mahir dan berpengalaman. Bahasa pengantaraan adalah Bahasa Malaysia.

TOPIK KURSUS BAGI TAHAP 1

Topik Teras

- Mekanisasi Tapak Semaian Sawit
- Penyediaan Tanah
- Teknologi Penanaman Sawit
- Kawalan Rumpai, Penyakit dan Perosak Sawit
- Teknologi Penuaian Sawit

Topik Tambahan

- Pengenalan kepada Industri Sawit
- Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Teknologi Enjin
- Teknologi dan Pemanduan Traktor
- Motivasi dan Keutuhan

PELUANG PEKERJAAN

Pelatih yang berjaya menamatkan kursus akan dianugerahkan sijil yang dikeluarkan oleh MPOB. Pelatih berpeluang membina kerjaya dalam bidang mekanisasi di sektor perladangan.

SYARAT KEMASUKAN KURSUS

- Warganegara Malaysia.
- Berumur antara 21 - 55 tahun.
- Tamat SPM/SPMV atau yang setaraf dengannya atau mempunyai 2 tahun pengalaman bekerja di sektor perladangan/ penjenteraan.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia.



- Individu lepasan sekolah yang masih mencari peluang pekerjaan dan mereka yang sedang bekerja di sektor industri sawit dan ingin meningkatkan kemahiran dan pengetahuan.

KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KURSUS

- Bilik kuliah berhawa dingin
- Bengkel yang lengkap
- Jentera/mesin
- Asrama (*dilengkapi televisyen, mesin basuh dan peti sejuk*)
- Pengangkutan dari asrama ke pusat latihan
- Bilik komputer

YURAN KURSUS

RM 3500

BIASISWA KURSUS OPERATOR MEKANISASI LADANG (DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-9)

Calon-calon boleh memohon setelah mendapat tawaran kursus tersebut. Biasiswa ini akan ditawarkan kepada calon-calon yang telah disenarai pendek dan berjaya dalam temuduga. Keutamaan diberikan kepada mereka yang tidak mempunyai penganjur kursus dan tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap. Tiada ikatan kontrak bagi calon-calon yang berjaya.

Borang permohonan boleh diperoleh dan dimuat turun melalui laman web MPOB www.mpob.gov.my dan klik pada Biasiswa Kursus Operator Mekanisasi Ladang. Borang permohonan perlulah lengkap disertai dengan salinan sijil-sijil SRP/PMR, SPM/SPMV atau sijil-sijil yang setaraf dan telah disahkan serta sekeping gambar yang tidak dikembalikan.

Borang yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
No. 6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang
Selangor
(U/P: Ketua Unit Pembangunan Insan dan
Pengurusan Persidangan)

Tel : 03-8769 4567 / 4568 / 8926 7046

Faks : 03-8925 7549

E-mel : rubaah@mpob.gov.my / zainon@mpob.gov.my

SUDUT TEKNOLOGI

SUDUT TEKNOLOGI FORMULASI METARHIZIUM DAN PENGUNAANNYA

Selepas 25 tahun ditanam, pokok sawit akan menjadi tua dan tidak lagi ekonomik untuk diusahakan. Pokok ini harus ditebang dan diganti dengan pokok baru yang mempunyai hasil yang tinggi. Sejajar dengan polisi kerajaan, kaedah tanam semula yang disyorkan adalah secara pembakaran sifar. Amalan ini dilakukan dengan meracik batang-batang sawit yang telah ditebang dan sisa racikan dibiarkan mereput di ladang.

Racikan sisa sawit yang reput amat sesuai untuk pembiakan perosak terutamanya kumbang badak. Kumbang dewasa akan menyerang pokok muda yang baru ditanam dengan mengorek bahagian pangkal pelepah untuk memakan bahagian umbut pokok. Serangan berulang kali menyebabkan pucuk pokok sawit rosak teruk seterusnya melambatkan pengeluaran hasil dan menyebabkan pokok mati. Akibatnya hasil sawit akan berkurang sehingga 25% dalam tempoh dua tahun pertama selepas serangan.

Terdapat beberapa kaedah kawalan kumbang badak seperti penggunaan racun, perangkap feromon, menanam kekacang penutup bumi dan kaedah kawalan biologi. MPOB telah melakukan penyelidikan bagi mencari kaedah kawalan alternatif yang berkesan dan selamat. Sejenis kulat yang dipanggil kulat lapuk hijau atau *Metarhizium* telah ditemui. Kulat ini berupaya membunuh semua peringkat hidup kumbang badak dan selamat kepada haiwan, hidupan air dan serangga bukan sasaran.

Kulat *Metarhizium*

Kulat *Metarhizium* hidup di persekitaran tanah. Ia tumbuh dan mengeluarkan biji-biji seni yang dipanggil spora dan berwarna hijau tua apabila matang. Apabila keadaan sesuai, spora akan bercambah dan mengeluarkan sulur-sulur halus dipanggil hifa. Keistimewaan kulat ini adalah ia berupaya menjangkiti kumbang badak. Jangkitan bermula apabila spora bersentuh

dengan kulit serangga, lalu bercambah dan mengeluarkan hifa yang menjalar di atas kulit. Hifa ini aktif mengeluarkan enzim yang mencerna kulit secara perlahan-lahan sehingga hifa menembusi kulit serangga. Hifa terus membiak di dalam badan serangga dan mengeluarkan kimia toksin yang akan melumpuhkan sistem pertahanan badan serangga. Pertumbuhan aktif hifa di keseluruhan bahagian dalaman serangga menyebabkan kumbang mati. Umumnya badan kumbang yang mati akan menjadi keras dan selepas dua hingga tiga hari, hifa akan tumbuh dan keluar semula ke permukaan kulit seterusnya mengeluarkan spora baru (Rajah 1).



Rajah 1. Larva dan dewasa kumbang badak mati dan diselaputi spora *Metarhizium*.

Formulasi *Metarhizium* dan penggunaannya

Terdapat dua formulasi *Metarhizium* yang telah dihasilkan oleh MPOB. Formulasi pertama ialah serbuk mudah basah yang mengandungi spora tulen *Metarhizium* berkualiti tinggi dan formulasi kedua iaitu butiran yang mengandungi hifa kulat *Metarhizium*. Kedua-dua formulasi ini diadun bersama bahan lain seperti bahan sumber nutrien dan bahan lengai untuk membentuk formulasi yang stabil.

Pengeluaran pukal formulasi serbuk *Metarhizium* dihasilkan di Pusat Teknologi *Metarhizium* (METEC) di Sg. Tekam, Pahang dengan usaha sama FELDA Agricultural Services Sdn. Bhd. Formulasi ini telah didaftarkan dengan nama dagangan "Ory-X"

Bersambung ke muka surat 7

Sambungan dari muka surat 6

(Rajah 2). Penggunaan formulasi serbuk perlu dicampur dengan air dan campuran ini disembur di tempat pembiakan kumbang badak, seperti racikan batang sawit reput, tandan kosong reput dan sebagainya. Formulasi ini disyorkan untuk kawalan kumbang badak di kawasan yang rata dan sedikit berbukit.



Rajah 2. Formulasi serbuk *Metarhizium*.

Bagi formulasi butiran, hifa *Metarhizium* diproses bersama bahan lain untuk membentuk butiran kecil berukuran di antara 1.5 – 2.5 mm (Rajah 3). Bagi kegunaan di ladang, formulasi butiran hanya perlu ditabur terus di tempat-tempat pembiakan kumbang badak. Apabila butiran menjadi lembap, ia akan mengeluarkan banyak spora *Metarhizium* baru yang akan mencemari habitat pembiakan kumbang badak dan selanjutnya menjangkiti kumbang badak yang mendiami habitat tersebut. Formulasi ini disyorkan untuk kawalan kumbang badak di kawasan yang sukar untuk membuat semburan formulasi serbuk. Ini termasuklah kawasan berbukit dan yang sukar untuk mendapatkan sumber air.



Rajah 3. Formulasi butiran *Metarhizium*.

Kelebihan formulasi *Metarhizium*

- Berkesan membunuh peringkat larva kumbang badak.
- Mudah digunakan secara semburan atau ditabur terus ke tempat pembiakan kumbang.
- Kesan kawalan yang panjang kerana butiran dan larva mati terjangkit adalah sumber pengeluaran spora baru.
- Selamat kepada hidupan bukan sasaran dan persekitaran berbanding racun kimia.

Kesimpulan

Dua formulasi *Metarhizium* yang dihasilkan oleh MPOB digunakan bagi menangani serangan kumbang badak di kawasan rata dan juga kawasan berbukit. Ujian di makmal mendapati formulasi *Metarhizium* berupaya membunuh peringkat larva dan peringkat dewasa kumbang badak. Formulasi *Metarhizium* digunakan untuk membunuh peringkat larva yang membiak di dalam reputan bahan sawit seperti batang, tandan kosong dan sebagainya. Selain berkesan membunuh larva kumbang badak, formulasi *Metarhizium* juga selamat kepada hidupan bukan sasaran dan alam sekitar berbanding penggunaan racun kimia. Penggunaan formulasi ini dapat mengurangkan kos pengeluaran dan seterusnya menjamin industri sawit yang lebih mapan dan mesra alam.



Sumbangan: Dr. Ramle Moslim
(ramle@mpob.gov.my)

KENALILAH... KUMBANG BADAK

Pendahuluan


Kumbang badak, (*Oryctes rhinoceros*) merupakan serangga perusak yang menyerang pokok sawit pada peringkat awal tanaman. Ia membiak di dalam reputan sisa tanaman seperti batang sawit, tandan kosong sawit, serat sawit dan bahan organik yang lain. Kumbang badak dewasa mempunyai tanduk tunggal di bahagian kepala (*Rajah 1*).



Rajah 1. Kumbang badak dewasa.


Kitar hidup

Terdapat lima peringkat perkembangan di dalam kitar hidup kumbang badak iaitu peringkat telur, larva (instar 1, instar 2 dan instar 3), pra-pupa, pupa, dan dewasa (*Rajah 2*). Peringkat telur, larva, pra-pupa dan pupa berkembang di



Rajah 2. Kitar hidup kumbang badak.

dalam sisa tanaman reput seperti batang sawit. Kumbang dewasa berwarna hitam keperangan dan bertanduk tunggal. Tempoh hidup kumbang dewasa betina adalah sembilan bulan dan jantan selama enam bulan. Perbezaan antara kumbang badak betina dan jantan dapat dikenal pasti secara fizikal. Kumbang betina mempunyai struktur berbulu di belakang abdomen manakala kumbang jantan tanpa struktur bulu (*Rajah 3*).



Rajah 3. Kumbang badak betina mempunyai struktur bulu di belakang abdomen (anak panah), manakala kumbang jantan tanpa struktur bulu.

Corak serangan

Kumbang dewasa menyerang dan menyebabkan kerosakan pada pokok sawit. Serangan kumbang badak biasanya lebih teruk ke atas pokok sawit muda berumur antara satu hingga tiga tahun berbanding pokok sawit matang. Kumbang dewasa menyerang pokok sawit dengan mengorek bahagian pangkal pelepah menggunakan tanduknya hingga ke bahagian tisu umbut yang lembut untuk menghisap cairan pada tisu tersebut. Ini akan meninggalkan serabut gentian di luar lubang yang dikoreknya. Kesan serangan menyebabkan kerosakan daun muda yang keluar berbentuk seperti kipas pada bahagian hujungnya (*Rajah 4*). Akibat daripada lubang pada pelepah menyebabkan pelepah patah (*Rajah 5*). Kesan serangan yang teruk boleh mengurangkan hasil sawit sehingga 25% kerana pokok sawit lambat matang atau mati.

Bersambung ke muka surat 9

Sambungan dari muka surat 8



Rajah 4. Pelepah kelihatan terpotong dan berbentuk seperti kipas.



Rajah 5. Pangkal pelepah patah kesan serangan kumbang badak.

Faktor-faktor yang menggalakkan pembiakan kumbang badak

Teknik tanam bawahan boleh mendorong kepada pembiakan kumbang badak. Melalui kaedah ini, anak benih sawit ditanam di bawah pokok sawit tua yang tidak ditebang untuk beberapa tahun yang kemudiannya diracun dan dibiarkan mereput. Kaedah ini akan menarik kumbang badak untuk membiak di dalam batang pokok yang sedang mereput.

Selain itu, teknik tanam semula secara pembakaran sifar juga boleh menyumbang kepada peningkatan populasi kumbang badak sekiranya ianya tidak dilakukan dengan sempurna. Kaedah tanam semula secara pembakaran sifar melibatkan penebangan pokok dan meracik batang sawit tersebut. Ianya kemudian disusun mengikut barisan dan dibiarkan mereput di ladang secara semula jadi. Sisa-sisa sawit yang diracik ini sangat sesuai untuk pembiakan kumbang badak. Sekiranya racikan dibuat terlalu tebal dan longgokan sisa sawit dibuat terlalu tinggi, ia boleh menggalakkan pembiakan kumbang badak.

Penggunaan tandan buah kosong sebagai sungkupan di ladang sawit juga boleh mengundang kehadiran kumbang badak. Oleh itu, penggunaan tandan buah kosong sebagai sungkupan perlulah mengikut kaedah yang disyorkan iaitu hanya meletakkan selapis untuk setiap longgokan. Ini menyebabkan

tandan buah kosong cepat kering dan tidak sesuai untuk pembiakan kumbang badak.

Kaedah Kawalan

Terdapat beberapa kaedah kawalan kumbang badak. Antaranya ialah penggunaan perangkap feromon yang dapat memerangkap kumbang badak dewasa. Amalan meracik pokok tua secara nipis serta menyusun rata tanpa longgokan tebal sewaktu proses tanam semula juga mampu mengurangkan pembiakan kumbang badak. Di samping itu, penanaman tanaman kekacang penutup bumi seperti *Mucuna cochichinensis*, *Centrosema pubescens* dan *Calapogonium mucunoides* juga digalakkan bagi mengurangkan pembiakan kumbang badak. Semburan racun kimia seperti *Lambda cyhalothrin* atau *Cypermethrin* boleh dilakukan pada pangkal pucuk pokok sawit apabila terdapat tanda-tanda serangan. Kaedah kawalan biologi seperti penggunaan formulasi kulat *Metarhizium* dan virus mampu menjangkiti dan membunuh kumbang badak. Di samping itu, terdapat juga parasit semulajadi dari spesies *Scolia* yang menyerang kumbang badak di peringkat larva.

Kesimpulan

Kumbang badak, *Oryctes rhinoceros* adalah perosak utama sawit yang perlu dikawal segera, khususnya selepas tanam semula di mana pokok sawit masih muda. Segala langkah pencegahan harus diambil bermula seawal proses pembersihan kawasan sehinggalah ke peringkat di mana pokok ditanam di ladang. Kaedah kawalan yang sesuai dan berkesan perlu diamalkan bagi mengatasi serangan kumbang badak. Langkah ini dapat memastikan populasi kumbang badak pada tahap yang rendah. Ini sekaligus mengurangkan risiko serangan pada pokok sawit dan seterusnya menjamin pengeluaran buah sawit yang maksimum.



Sumbangan: Parthiban Kannan
(parthiban@mpob.gov.my)

????????? **Kuiz Sawit** ??????????

Pembaca Warta Sawit berpeluang memenangi wang tunai berjumlah RM 50.00 sekiranya berjaya menjawab 5 soalan yang diberikan dengan tepat. Hanya 3 penyertaan bertuah yang menjawab dengan tepat akan dipilih sebagai pemenang.

Syarat penyertaan

- Terbuka kepada pembaca Warta Sawit kecuali kakitangan dan ahli keluarga Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).
- Sila tulis jawapan sama ada dengan tulisan tangan atau taip.
- Tarikh tutup penyertaan adalah pada **31 Januari 2010**.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Hantar jawapan anda beserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat yang jelas dan lengkap kepada:

Kuiz Warta Sawit
Ibu Pejabat MPOB, Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
u/p: Pn Nur Hanani Mansor
Unit Pengembangan dan Latihan,
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

Soalan


1. Berikan satu contoh jenis racun yang sesuai untuk mengawal rumpai jenis berdaun lebar.
2. Yang mana satukah di bawah ini merupakan kesan buruk penggunaan racun paraquat ke atas tanaman sawit muda?
 - a) Daun melecur dan kering.
 - b) Pucuk layu dan pelepah mudah patah.
 - c) Pokok menjadi bengkok dan lebam serta pembentukan buah partenokarpik.
 - d) Pelepah daun berbintik kuning dan oren.
3. Yang mana berikut merupakan kepentingan meracun rumpai di ladang sawit.
 - i. Mengelakkan rumpai bersaing dengan sawit untuk mendapatkan makanan (nutrien), udara dan cahaya.
 - ii. Melancarkan operasi ladang seperti penuaian, pengangkutan BTS, pembajaan dan sebagainya.
 - iii. Menjamin keselamatan pekerja di ladang sawit daripada serangan haiwan berbisa atau merbahaya.
 - iv. Memastikan supaya ladang sawit sentiasa bebas daripada semua rumpai yang memberi persaingan kepada sawit.
 - a) i dan ii sahaja.
 - b) i, ii, dan iii sahaja.
 - c) ii, iii, iv sahaja.
 - d) semua di atas.
4. Yang manakah di antara kenyataan di bawah merupakan kenyataan yang betul mengenai pencuci pinggan mangkuk berasaskan sawit?
 - a) Pencuci berasaskan sawit lebih mahal berbanding berasaskan petroleum.
 - b) Pencuci berasaskan sawit lebih mesra alam berbanding berasaskan petroleum.
 - c) Pencuci berasaskan sawit boleh merengsakan kulit.
 - d) Semua di atas.
5. Berikan satu langkah strategik jangka pendek yang dilakukan oleh kerajaan melalui MPOB dalam usaha mengatasi masalah penurunan harga minyak sawit di Malaysia?




Gubahan Menggunakan Sisa Sawit



Rajah 1. Puncak Kasih, gubahan menggunakan bunga jantan dan betina sebagai bahan utama.



Rajah 2. Bebola Hatiku, gubahan comel berasaskan biji sawit.



Rajah 3. Kasih Bonda, gubahan kreatif daripada anyaman daun sawit.

Pokok sawit terdiri daripada pelbagai bahagian seperti buah, bunga jantan dan betina, pelepah daun dan sebagainya. Kebiasaannya semua bahagian ini dibiarkan sahaja mereput di kebun. Namun begitu, dengan sedikit usaha dan kreativiti, ianya dapat dimanfaatkan dan boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan. Berikut adalah beberapa contoh idea kreatif yang dihasilkan menggunakan sisa sawit.

SEMBANG SAWIT



SEDUTAN AKHBAR

Tajuk : SAWIT BERKUALITI JANA RM 65 b

Tarikh : Utusan Malaysia, 13 Mei 2009

Sandakan – Malaysia kekal pengeksport minyak sawit berkualiti terbesar di dunia yang menjana pendapatan eksport RM 65 billion pada tahun lepas, kata Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr. Mohd Basri Wahid.

Katanya, berbanding dengan negara pengeksport produk keluaran sawit lain, Malaysia dikenali sebagai pengeksport produk sawit yang berkualiti tinggi.

“Biarpun Indonesia menjadi pengeluar utama minyak sawit di dunia tetapi Malaysia masih mendahului sebagai pengeksport minyak sawit berkualiti tinggi di dunia.

“Bagi memastikan industri sawit negara terus mapan dan berdaya saing di peringkat global, semua pihak terlibat perlu sama-sama mengekalkan reputasi imej baik minyak sawit Malaysia yang berkualiti tinggi dan selamat digunakan sebagai sumber makanan,” katanya.

Tajuk : FELDA BINA KILANG PROSES PELEPAH SAWIT PERTAMA DI DUNIA

Tarikh : Utusan Malaysia, 19 Mei 2009

Kuantan – Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) membina sebuah kilang memproses pelepah sawit pertama di dunia di sini untuk dijadikan makanan ternakan.

Kilang berkenaan dibangunkan bertujuan menjadi pembekal utama makanan kepada ternakan lembu dan kambing.

“Dengan kos pembinaan sebanyak RM 14.1 juta di atas tapak seluas 1.5 ha, kilang ini menghasilkan dua jenis makanan kepada ternakan iaitu makanan lengkap dan makanan seratus peratus pelepah segar dalam bentuk palet,” kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahmad Maslan ketika melawat kilang berkenaan, baru-baru ini.

Tajuk : EKSTRAK MINYAK SAWIT HALANG PROSES PENUAAN

Tarikh : Utusan Malaysia, 26 Mei 2009

Kuala Lumpur – Kajian yang dijalankan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mendapati ekstrak minyak sawit mampu bertindak sebagai penghalang bioaktif terhadap proses penuaan.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hamzah Zainudin berkata, melalui penyelidikan yang dijalankan didapati tokotrienol daripada ekstrak minyak sawit berkesan bagi tujuan tersebut.

“Kajian tersebut menunjukkan tokotrienol yang juga merupakan komponen kandungan vitamin E berpotensi untuk menjadi agen anti kanser dan dapat mengurangkan tahap kolesterol dalam badan.

“Dalam pada itu, karotenoid dan fenolik dalam ekstrak minyak sawit berupaya menjadi agen antioksidan kepada sistem tubuh badan,” katanya selepas merasmikan Seminar Antarabangsa Nutrasetikal dan Kosmesetikal Sawit 2009 (PINC) di sini.

Bersambung ke muka surat 13

Sambungan dari muka surat 12

Tajuk : MINYAK SAWIT KITA SELAMAT DIMAKAN

Tarikh : Berita Harian, 15 Jun 2009

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menegaskan kualiti minyak sawit yang dihasilkan di Malaysia untuk dieksport adalah selamat untuk dimakan, tidak tercemar dan menepati spesifikasi kontrak eksport minyak sawit yang ditetapkan negara pengimport.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Mohd Basri Wahid berkata, Malaysia mempunyai prosedur pemantauan yang ketat bagi memastikan minyak sawit yang dihasilkan selepas proses penapisan sehingga ke pelabuhan sentiasa berada pada kualiti yang tinggi serta tidak dicemari bahan asing.

“Bagi tujuan itu, kita telah menempatkan pegawai penguatkuasa di enam pelabuhan di negara ini bagi menguji dan menilai kualiti bahan minyak sawit yang akan dieksport. Minyak sawit berkenaan tidak akan dilepaskan sekiranya gagal menepati piawaian yang ditetapkan.

Tajuk : INDUSTRI SAWIT PERLU KEKAL KUALITI ALAM SEKITAR

Tarikh : Utusan Malaysia, 15 Ogos 2009

Kuala Lumpur – Syarikat dan kilang pemprosesan sawit di negara ini digesa mengambil langkah proaktif menjaga kualiti alam sekitar di kawasan ladang mereka.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, langkah itu penting bagi memastikan pembangunan sektor industri sawit sentiasa selaras dan harmoni terhadap alam sekitar.

Katanya, untuk tujuan itu juga, kerajaan telah meningkatkan tahap piawaian terhadap amalan penjagaan kualiti alam sekitar di industri tersebut.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Sawit dan Alam Sekitar yang bertemakan ‘Mengharmonikan Sawit Bersama Alam Sekitar’ anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini.

TAHUKAH ANDA?

PAPAN LAPIS DARI BATANG SAWIT

Malaysia adalah pengeksport utama minyak sawit dunia dengan kawasan penanaman sawit seluas 4.48 juta ha, yang telah direkodkan pada tahun 2008. Daripada keseluruhan jisim penanaman pokok sawit ini, dianggarkan hanya 10% sahaja yang menyumbang kepada penghasilan minyak dan selebihnya adalah dalam bentuk bahan biojisim. Bahan biojisim sawit ini terdiri daripada batang sawit dan pelepah sawit (diperoleh daripada ladang); serta tandan sawit kosong, gentian mesokarp sawit, kek isirung sawit dan juga tempurung isirung sawit (diperolehi dari pemprosesan minyak di kilang). Batang sawit diperoleh daripada penanaman semula pokok tua melebihi umur 25 tahun. Pada masa ini, kadar penanaman semula sawit yang sebenar adalah lebih kurang 100 000 ha setahun. Dengan mengambil kira terdapat 136 batang sawit per hektar, adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang 13.6 juta batang sawit boleh diperolehi daripada aktiviti penanaman semula pokok sawit setahun.

Kebiasaannya semasa proses penanaman semula, batang sawit dan pelepah sawit ini akan dibiarkan mereput di dalam ladang. Sebagai alternatif, batang sawit ini boleh digunakan untuk penghasilan produk nilai tambah seperti papan lapis, papan gentian, papan serpai dan juga bio-komposit lain memandangkan telah ada teknologi untuk membuatnya.

Kajian yang dilakukan oleh MPOB mendapati batang sawit boleh digunakan sebagai bahan mentah untuk pembuatan papan lapis. Papan lapis adalah satu produk komposit berasaskan kayu yang banyak digunakan sebagai *form-work* terutamanya dalam kerja-kerja penyediaan bangunan, sebagai bahan *packaging* dan bahan asas di dalam pembuatan perabot. Papan lapis sawit ini menepati piawaian untuk papan lapis yang telah ditetapkan. Beberapa industri papan lapis telah berjaya mengkomersialkan produk papan lapis sawit dan berjaya mengeksport ke luar negara seperti Jepun, United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Proses pembuatan papan lapis sawit dimulakan dengan pemotongan batang sawit di ladang (yang mana hanya bahagian bawah batang sawit iaitu 6 m akan digunakan). Kemudian ia dibawa ke kilang papan lapis untuk proses pengupasan atau penghasilan venir. Proses seterusnya adalah pengeringan venir, penambahan perekat, penyusunan venir membentuk papan lapis dan seterusnya proses penekanan panas. Venir sawit ini hanya digunakan untuk lapisan tengah papan lapis, manakala lapisan luar adalah venir daripada kayu tropika. Antara kelebihan papan lapis

sawit ini adalah ianya lebih ringan dan dapat mengurangkan kos pembuatan. Papan lapis sawit juga boleh memperoleh label produk mesralam yang boleh meningkatkan pemasarannya. Gambaran proses yang terlibat dapat dilihat dalam *Rajah 1a* hingga *1e*.

Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati satu kubik meter padu papan lapis boleh dihasilkan daripada enam batang sawit berukuran 5 m. Oleh yang demikian, 1 ha ladang sawit yang mempunyai 136 batang sawit boleh menghasilkan lebih kurang 23 meter padu papan lapis. Ini boleh mendatangkan pendapatan tambahan kepada pengilang yang terlibat di mana sumber batang sawit ini boleh diperolehi dengan harga yang murah berbanding dengan harga kayu tropika. Dengan adanya industri sebegini juga, ia sedikit sebanyak mendatangkan pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit apabila mereka menjual batang sawit kepada kilang papan lapis.



Rajah 1a. Batang sawit yang telah dipotong dan dibawa ke kilang.



Rajah 1b. Proses pengupasan menggunakan mesin spindle-less lathe.



Rajah 1c. Kepingan vanir yang dihasilkan sebelum dikeringkan.



Rajah 1d. Pengering vanir sawit menggunakan penekan panas (hot-press).



Rajah 1e. Papan lapis yang telah siap untuk dieksport.



Oleh: Dr. Anis Mokhtar (nitar@mpob.gov.my)

DIARI & PERISTIWA

a) Mei hingga Ogos 2009

• Program Sehari Bersama Ahli Kelab 30 Tan

- 1) 14 Mei 2009 : Dewan Serbaguna, Ladang SALCRA Kedup 2 dan seramai 106 orang peserta telah hadir.
- 2) 27 Mei 2009 : Dewan Serbaguna Pekan Baru Pitas, Sabah dan seramai 157 orang peserta telah hadir.
- 3) 2 Julai 2009 : Dewan Taklimat Tingkat 1, Menara Pehni Setiaraja, Mukah dan seramai 98 orang peserta telah hadir.
- 4) 28 Julai 2009 : Dewan Orang Ramai, Kg Kolek, Sg Lembing, Kuantan dan seramai 40 orang peserta telah hadir.

• Lawatan Sambil Belajar

- 1) 7 Mei 2009 : Lawatan ke Kilang All Cosmos Industries Sdn. Bhd., Pasir Gudang dan Stesen FASSB Bukit Besar, Kulai, Johor dan seramai 16 orang peserta menyertainya.
- 2) 14 Mei 2009 : Lawatan ke Ladang Integrasi MAAH, KLIA dan Ibu Pejabat MPOB Bangi dan seramai 34 orang peserta menyertainya.
- 3) 26 Mei 2009 : Lawatan ke Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Saratok, Sarawak dan seramai 40 orang peserta menyertainya.

• Ceramah Teknikal Pekebun Kecil

- 1) 2 Julai 2009 : Rumah Sedu, Sg Entulang Bakong, kehadiran seramai 50 orang.
- 2) 14 Ogos 2009 : Dewan D, Tapak Ekspo Agro Pertanian Malaysia, Serdang MICCOS kehadiran seramai 123 orang.

• Penerangan Bantuan Kerajaan

- 1) 26 Ogos 2009 : Bantuan Tanam Semula Sawit di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2 untuk pekebun kecil Simpang Renggam, Kluang, Johor dan seramai 33 orang peserta menyertainya.
- 2) 27 Ogos 2009 : Bantuan Tanam Semula Sawit di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2 untuk pekebun kecil kawasan Beluran, Sabah dan seramai 89 orang peserta menyertainya.

Berita Bergambar



En. Azmi Ismail memberi penerangan ringkas kepada pekebun kecil mengenai Ladang Integrasi MAAH, KLIA semasa program lawatan sambil belajar Zon TUNAS Timur pada 14 Mei 2009.

Pekebun kecil dari Sungai Asap, Belaga dibawa melihat projek kambing semasa aktiviti lawatan sambil belajar ke Stesen Penyelidikan MPOB Sessang, Sarawak pada 26 Mei 2009.



Datuk Wira Ismail Salleh, Ketua Setiausaha KPPK mendengar taklimat mengenai Stesen Penyelidikan MPOB Belaga semasa lawatan sehari beliau pada 16 Jun 2009. Turut hadir ialah Datuk Dr. Mohd Basri Wahid, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Dato' Dr. Kamarul Baharain Basir, Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia.

Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia melancarkan produk Novelin semasa Seminar TOT pada 17 Jun 2009 di Ibu Pejabat MPOB. Turut hadir Dato' Hamzah Zainuddin, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Dato' Sabri Ahmad, Pengerusi MPOB dan Datuk Dr. Mohd Basri Wahid, Ketua Pengarah MPOB.





